



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1971

DR.71/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan), 1971. Tajok ringkas.
2. Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 adalah dengan ini di-pinda dengan chara yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini. Pindaan. 21/51.
3. Pindaan yang di-nyatakan dalam perenggan (2) di-bawah butiran 1 dalam Jadual itu (yang berhubung dengan taarif "approved fund") tidak mempunyai apa² kuatkuasa berhubung dengan apa² sekim yang di-tubuhkan dengan nyata menurut mana² undang² bertulis sa-belum sahaja 6hb Ogos, 1970 bagi faedah pekerja² dalam apa² tred, perniagaan, perusahaan atau pekerjaan dan mana² sekim yang di-tubuhkan sa-demikian itu hendak-lah terus menjadi suatu kumpulanwang yang di-luluskan bagi maksud Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 sa-hingga sa-lain-nya di-tetapkan oleh Menteri Kewangan. Per-kechualian.
4. Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951), 1969, Ordinan No. 42 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 dan Ordinan No. 73 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 ada-lah dengan ini di-mansokhkan. Peman-sokhan.

JADUAL

Pindaan² bagi Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951

Butiran	Jenis Pindaan
1. Sekshen 2 ...	(1) Di-bawah taarif "approved company", (a) bagi perkataan "which has been continuously so incorporated for a period of at least seven years and has" yang terdapat dalam perenggan-kecil (a) itu gantikan dengan perkataan "and having"; (b) nomborkan sa-mula perenggan-kecil (b) yang ada sa-bagai "(b) (i)" dan menggantikan perkataan "and" yang terdapat di-akhir perenggan-kecil itu dengan perkataan "or"; dan (c) masokkan di-bawah perenggan-kecil (b), butiran (ii) baharu yang berikut— “(ii) in which the Government of the Federation has participation and having as its sole or primary object the financing of industries; and”. (2) Di-bawah taarif "approved fund", potong perkataan "or a provident fund or other scheme expressly established by any written law for the benefit of employees in any trade, business, industry or occupation.”.
2. Sekshen 4 ...	(1) Masokkan perkataan² "in Bank Negara Malaysia or" di-antara perkataan² "be deposited" dan "in a bank" yang terdapat dalam perenggan (a) sekshen-kecil (2)-nya; (2) Masokkan yang berikut sa-lepas sahaja perkataan "investment" yang terdapat dalam perenggan (i) (II) dalam syarat kedua kepada sekshen-kecil (2)— “and where the approved company is a company which has acquired the assets and liabilities of another approved company, payment of a dividend by that other company during each of the last three years prior to the time of such acquisition shall be treated as payment by the approved company”; (3) Masokkan yang berikut sa-belum perkataan "the total amount of borrowings" yang terdapat di-awal perenggan (i) (III) dalam syarat kedua kepada sekshen-kecil (2)— “in the case of an approved company having as its sole or primary object the promotion of home ownership”; dan

Butiran

Jenis Pindaan

3. Sekshen 16.... (1) Masokkan perkataan "subject to such conditions as the Board may impose" di-antara perkataan "may" dan "declare" yang terdapat dalam baris 14 sekshen-kecil (1);

(2) Masokkan sekshen-kecil (1c) baharu yang berikut sa-lepas sekshen-kecil (1b)—

"(1c) Where the Minister of Finance amends the First Schedule under section 22 of this Ordinance by deleting any paragraph thereof, any employer or group of employers who, before the date on which the order comes into force, has established a provident fund or other scheme for the benefit of all or of a group of his or their employees of the description specified in that paragraph shall, within such period as the Board may in its discretion allow, furnish the Board with such particulars of such provident fund or other scheme as the Board may prescribe or in any particular case require and if after examining such particulars the Board is satisfied that such provident fund or other scheme as amended if necessary in such manner as the Board may require provides for an employee benefits not less advantageous to him than the benefits which are provided for an employee by the Fund, the Board may subject to such conditions as it may impose declare such provident fund or other scheme to be an approved fund; no contributions shall become payable to the Fund by the employees for whose benefit an approved fund has been established or by the employer or employers of such employees in respect of such employees.";

(3) Potong sekshen-kecil (2);

(4) Potong perkataan "or" in the circumstances described in subsection (2) of this section" yang terdapat dalam sekshen-kecil (3);

(5) (a) Potong perenggan (a) sekshen-kecil (4); dan nomborkan sa-mula perenggan (b) dan (c) yang ada masing²-nya sa-bagai (a) dan (b);

(b) Gantikan noktah bertindeh yang terdapat sa-lepas perkataan "direct" di-akhir sekshen-kecil (4) itu dengan noktah dan masokkan sa-lepas daripada itu yang berikut—

"Such amount shall be transferred within one month of the employer ceasing to participate in such approved fund or of the employee leaving the employment or ceasing to contribute, as the case may be, or within such further

Butiran

Jenis Pindaan

period as the Board may in any particular case allow;"; dan

(c) Bagi "(c)" yang terdapat dalam syarat pertama kepada sekshen-kecil (4), gantikan dengan "(b)";

(6) Masokkan sekshen-kecil (4A) baharu yang berikut sa-lepas sahaja sekshen-kecil (4)—

"(4A) (a) Where an approved fund is wound up, the amount standing to each employee's or to such employee's credit in such approved fund that represents contributions to such approved fund both by the employer and the employee since the date on which section 7 of this Ordinance comes into force, together with any interest thereon, shall, notwithstanding anything to the contrary contained in any other written law be transferred to the Fund, and the Board shall cause to be credited to each such employee or such employees such amount in such manner as the Board shall direct.

(b) The Board may if it considers desirable in the interests of employees so to do, accept in their entirety the assets and liabilities of such approved fund at such date as is agreed and where the assets of such approved fund shall not be sufficient to meet its liabilities, the amount to be credited to such employee or employees under paragraph (a) of this subsection, shall be reduced in such proportion as the Board may determine:

Provided that where in accordance with the rules of such approved fund the amount standing to the credit of any employee consists in whole or in part of a policy of life assurance, such policy shall not be transferred to the Fund, but shall be dealt with in accordance with such rules.";

(7) Masokkan sekshen-kecil (7B) dan (7C) baharu yang berikut sa-lepas sahaja sekshen-kecil (7A)—

"(7B) Notwithstanding anything to the contrary contained in the rules of an approved fund, any employer may on application by an employee who has attained the age of fifty years authorise the withdrawal from such approved fund a sum not exceeding one-third of the amount standing to the credit of such employee; and an employee in respect of whom an authority for withdrawal has been

Butiran

Jenis Pindaan

given under this subsection shall notwithstanding such withdrawal continue to be treated as a contributor to such approved fund.

(7c) When an employee withdraws under subsection (7A) of this section any amount standing to his credit in an approved fund, he shall not thereafter be treated as an employee, notwithstanding that, but for the provisions of this subsection, he would be an employee, for the purpose of this Ordinance.”; dan

(8) Potong angka dan tanda kurungan “(4)” yang terdapat dalam sekshen-kechil (12).

4. Sekshen 17 ... Potong sekshen-kechil (2).

5. Sekshen 19 ... Gantikan perkataan “Yang di-Pertuan Agong” yang terdapat dalam sekshen-kechil (1) dengan perkataan “Chairman of the Board”.

HURAIAN

Menurut Fasal (2) Perkara 150 Perlembagaan, yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan² di-bawah ini bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951—

(a) Ordinan No. 42 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970; dan

(b) Ordinan No. 73 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971.

Pengarah Gerakan, pada menjalankan kuasa²-nya di-bawah Ordinan No. 1 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969 telah membuat Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951), 1969, untuk mengubahsuai Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951.

Rang Undang² ini bertujuan untuk memasokkan peruntukan² kedua² Ordinan Dharurat dan Peratoran² Perlu yang tersebut di-atas dalam suatu undang² yang kekal.

Pindaan² bagi Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual ada-lah bagi maksud² yang berikut—

(1) Pindaan di-bawah butiran 1 dalam Jadual ia-lah—

(a) bagi meluaskan taarif “approved company” yang boleh di-beri pinjaman sa-bagai pelaboran oleh Lembaga; dan

(b) supaya apa² sekim yang di-tubuhkan menurut mana² undang² bertulis bagi faedah pekerja² dalam apa² tred, perniagaan, perusahaan atau pekerjaan terkeluar sa-bagai kumpulanwang yang di-luluskan.

Akan tetapi pindaan kapada perkataan “approved fund” tidak-lah berkuatkuasa terhadap apa² sekim yang di-tubuhkan dengan nyata menurut mana² undang² bertulis sa-belum 6hb Ogos, 1970

(ia-itu tarikh mula berkuatkuasa-nya Ordinan No. 42 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970) (lihat Fasal 3 Rang Undang²).

(2) Pindaan di-bawah butiran 2 ia-lah—

- (a) untuk memberi kuasa kepada Lembaga mendepositkan wang kepunyaan Kumpulanwang di-Bank Negara Malaysia;
- (b) supaya Lembaga boleh di-berikuasa melaborkan wang dalam sa-suatu sharikat yang di-luluskan yang telah memperolehi aset dan tanggungan sa-suatu sharikat yang lain yang telah membayar suatu dividen mengikut kadar tidak kurang daripada lima peratus atas modal sher biasa-nya dalam tiap² tahun dalam masa tiga tahun sa-belum tarikh aset dan tanggungan itu di-perolehi; dan
- (c) bagi menambah jumlah pinjaman sa-suatu sharikat yang di-luluskan (yang tujuan tunggal atau utama-nya ia-lah menggalakkan orang mempunyai rumah sendiri) daripada semua sumber, daripada dua pertiga kepada tiga perempat jumlah yang pada masa itu di-chagarkan kepada sharikat itu oleh peminjam²-nya.

(3) Pindaan kepada butiran 3 ia-lah—

- (a) memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengenakan syarat² apabila mengishtiharkan sa-suatu kumpulanwang atau sekim yang sedia ada sa-bagai kumpulanwang yang di-luluskan;
- (b) bagi memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengishtiharkan sa-bagai kumpulanwang yang di-luluskan, apa² kumpulanwang simpanan atau sekim yang telah pun di-tubuhkan bagi orang² yang tersebut dalam Jadual Pertama kepada Ordinan itu, apabila mereka kemudian-nya termasuk dalam taarif "pekerja" akibat pindaan kepada Jadual Pertama itu;
- (c) supaya Lembaga tidak berkuasa mengishtiharkan apa² kumpulanwang simpanan atau sekim yang di-chadang hendak di-tubuhkan sa-bagai suatu kumpulanwang yang di-luluskan;
- (d) bagi membolehkan Lembaga menerima aset² dan tanggungan² sa-suatu kumpulanwang yang di-luluskan yang di-gulong;
- (e) bagi membolehkan sa-saorang majikan membenarkan sa-saorang pekerja mengeluarkan satu pertiga jumlah wang yang ada dalam kredit-nya dalam sa-suatu kumpulanwang yang di-luluskan; dan
- (f) supaya pekerja² yang mengeluarkan wang di-bawah sekshen-kechil (7A) tidak lagi di-sifatkan sa-bagai pekerja bagi maksud² Ordinan itu.

(4) Dengan pindaan di-bawah butiran 4, pembicharaan² untuk menuntut hutang charum tidak-lah lagi terhalang sa-lepas tiga tahun. terhalang sa-lepas tiga tahun.

(5) Pindaan di-bawah butiran 5 memberi kuasa kepada Pengerusi Lembaga melantek Inspekter di-bawah Ordinan itu; dan

(6) Lain² pindaan ada-lah berbangkit.

[P.N. (U²) 166.]